



TERMA RUJUKAN

MAJLIS INDUSTRI PERTAHANAN, PENGUATKUASAAN DAN KESELAMATAN MALAYSIA (MIDES)

**TERMA RUJUKAN MAJLIS INDUSTRI
PERTAHANAN, PENGUATKUASAAN DAN
KESELAMATAN MALAYSIA (MIDES)**

1.0 PENDAHULUAN

Majlis Industri Pertahanan Malaysia (MIPM) telah ditubuhkan pada bulan Ogos 1999 untuk memastikan pembangunan industri pertahanan tempatan dilaksanakan secara teratur.

Majlis ini dipengerusikan oleh Menteri Pertahanan Malaysia dan ahli-ahlinya terdiri daripada wakil-wakil Kementerian Pertahanan, Angkatan Tentera Malaysia, Unit Perancangan Ekonomi, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Kewangan, Kementerian Dalam Negeri dan wakil-wakil syarikat industri pertahanan tempatan.

Majlis ini telah dinaiktaraf kepada Majlis Industri Pertahanan, Penguatkuasaan dan Keselamatan Malaysia dengan persetujuan Jemaah Menteri pada April 2010.

2.0 OBJEKTIF MIDES

Di antara objektif MIDES termasuklah:

- a. Memberi panduan dalam menentukan pembangunan industri pertahanan, penguatkuasaan dan keselamatan tempatan yang teratur dengan mengambil kira objektif Kementerian Pertahanan, agensi keselamatan dan penguatkuasaan serta negara secara keseluruhannya;
- b. Membincangkan isu dan cabaran yang dihadapi oleh syarikat-syarikat industri pertahanan, penguatkuasaan dan keselamatan; dan
- c. Menubuhkan satu pertubuhan syarikat-syarikat yang berasaskan industri pertahanan, penguatkuasaan dan keselamatan di Malaysia.

3.0 FUNGSI

- a. Membantu dalam usaha mempromosi produk dan perkhidmatan syarikat industri pertahanan, penguatkuasaan dan keselamatan tempatan;
- b. Menyebarkan maklumat yang berkaitan dengan program *offset* dan pemindahan teknologi kepada syarikat-syarikat industri pertahanan, penguatkuasaan dan keselamatan;
- c. Menyebarkan maklumat yang berkaitan dengan peluang pengeksportan serta membantu syarikat-syarikat industri pertahanan, penguatkuasaan dan keselamatan dalam menerokai pasaran tersebut;
- d. Membantu dan menyelaras penyertaan syarikat-syarikat industri pertahanan, penguatkuasaan dan keselamatan dalam pameran-pameran, pemasaran dan promosi luar negeri yang berkaitan;
- e. Menjadi pusat setempat dalam pertukaran maklumat dan menganjur seminar-seminar yang berkaitan

dengan isu-isu industri pertahanan, penguatkuasaan dan keselamatan; dan

- f. Mewujud dan mengeratkan hubungan kerjasama dengan agensi-agensi industri pertahanan, penguatkuasaan dan keselamatan luar negeri yang bersesuaian.

4.0 KEAHLIAN DAN TERMA RUJUKAN MAJLIS INDUSTRI PERTAHANAN, PENGUATKUASAAN DAN KESELAMATAN MALAYSIA

Pengerusi : Y.B Menteri Pertahanan

Setiausaha : Ketua Setiausaha
Kementerian Pertahanan

Ahli:

- 1) Panglima Angkatan Tentera
- 2) Ketua Setiausaha, Kementerian Dalam Negeri
- 3) Panglima Tentera Darat merangkap Pengerusi Kumpulan Kerja Automotif MIPKPM

- 4) Panglima Tentera Udara merangkap Pengerusi Kumpulan Kerja Aeroangkasa MIPKPM
- 5) Panglima Tentera Laut merangkap Pengerusi Kumpulan Kerja Maritim MIPKPM
- 6) Timbalan Ketua Polis Negara merangkap Pengerusi Kumpulan Kerja Persenjataan MIPKPM
- 7) Ketua Staf Markas ATM merangkap Pengerusi Kumpulan Kerja ICT MIPKPM
- 8) Pengarah Kanan, Bahagian Dasar Sektor dan Perkhidmatan Industri, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri merangkap Pengerusi Kumpulan Kerja Barangan Guna Sama MIPKPM
- 9) Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)
- 10) Ketua Pengarah, Jabatan Kastam DiRaja Malaysia
- 11) Ketua Pengarah, Jabatan Imigresen Malaysia
- 12) Ketua Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
- 13) Ketua Pengarah, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia
- 14) Kementerian Kewangan
- 15) Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

- 16) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
- 17) Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri
- 18) MiGHT

Ahli turut hadir:

Timbalan Pengerusi Kumpulan Kerja MIPKPM:

- 19) Kumpulan Kerja Aeroangkasa
- 20) Kumpulan Kerja Maritim
- 21) Kumpulan Kerja ICT
- 22) Kumpulan Kerja Automotif
- 23) Kumpulan Kerja Persenjataan
- 24) Kumpulan Kerja Barangan Guna Sama

Jumlah : 26 ahli

Urus setia: Bahagian Industri Pertahanan
Kementerian Pertahanan

TERMA RUJUKAN MIDES

- 1. Bilangan Mesyuarat : sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun
- 2. Pelantikan ahli :
 - a. Sektor kerajaan: berdasarkan jawatan iaitu sepanjang tempoh memegang jawatan tersebut.

- b. Sektor swasta: berdasarkan individu/undian mewakili Kumpulan Kerja MIDES selama tiga tahun.
- 3. Fungsi:
 - 3.1 Menentukan hala tuju MIDES;
 - 3.2 Membuat keputusan berhubung polisi industri pertahanan, penguatkuasaan dan keselamatan; dan
 - 3.3 Menyelaras pembangunan industri pertahanan, penguatkuasaan dan keselamatan selaras dengan polisi-polisi kerajaan.

5.0 KRITERIA PELANTIKAN AHLI KUMPULAN KERJA MIDES

Syarikat-syarikat yang dilantik sebagai ahli Kumpulan Kerja MIDES perlu memenuhi kriteria-kriteria di bawah:

- (i) Berdaftar dengan Kementerian Kewangan;
- (ii) Berdaftar dengan Bahagian Industri Pertahanan;
- (iii) Mempunyai aktiviti pembuatan / perkhidmatan yang berkaitan dengan industri pertahanan;

- (iv) Memberi perkhidmatan / produk kepada mana-mana agensi kerajaan dalam/luar negara yang berkaitan dengan keselamatan / pertahanan;
- (v) Mempunyai infrastruktur / fasiliti yang lengkap untuk aktiviti pembuatan dan perkhidmatan;
- (vi) Mempunyai status kewangan yang kukuh (tidak muflis / bankrap);
- (vii) Mempunyai '*track record*' yang baik dari segi '*delivery*' dan perkhidmatan kepada pengguna;
- (viii) Mempunyai integriti serta mengamalkan *corporate governance* yang tinggi;
- (ix) Memberi komitmen yang tinggi terhadap pembangunan industri pertahanan, penguatkuasaan dan keselamatan Malaysia;
- (x) Komited dalam menyumbang idea serta cadangan bagi pembangunan industri pertahanan, penguatkuasaan dan keselamatan Malaysia;
- (xi) Menyumbang kepada pembangunan sumber manusia, R&D, peningkatan keupayaan teknologi serta pembangunan vendor/ subkontraktor bagi

pembangunan menyeluruh industri pertahanan, penguatkuasaan dan keselamatan.

6.0 TERMA RUJUKAN KUMPULAN KERJA MIDES

A. Keahlian

KUMPULAN KERJA AUTOMOTIF MIDES	
Pengerusi	Panglima Tentera Darat
Timbalan Pengerusi	Undian oleh ahli-ahli Kumpulan Kerja
Ahli	Wakil Tentera Darat Wakil Tentera Laut Wakil Tentera Udara Agensi Penguatkuasaan / keselamatan berkaitan Syarikat-syarikat industri pertahanan, penguatkuasaan dan keselamatan tempatan
KUMPULAN KERJA PERSENJATAAN MIDES	

Pengerusi	Timbalan Ketua Polis Negara
Timbalan Pengerusi	Undian oleh ahli-ahli Kumpulan Kerja
Ahli	Wakil Tentera Darat Wakil Tentera Laut Wakil Tentera Udara Agensi Penguatkuasaan / keselamatan berkaitan Syarikat-syarikat industri pertahanan, penguatkuasaan dan keselamatan tempatan
KUMPULAN KERJA MARITIM MIDES	
Pengerusi	Panglima Tentera Laut
Timbalan Pengerusi	Undian oleh ahli-ahli Kumpulan Kerja
Ahli	Wakil Tentera Darat Wakil Tentera Laut Wakil Tentera Udara Agensi Penguatkuasaan / keselamatan berkaitan Syarikat-syarikat industri pertahanan, penguatkuasaan dan keselamatan tempatan

KUMPULAN KERJA AEROANGKASA MIDES	
Pengerusi	Panglima Tentera Udara
Timbalan Pengerusi	Undian oleh ahli-ahli Kumpulan Kerja
Ahli	Wakil Tentera Darat Wakil Tentera Laut Wakil Tentera Udara Agensi Penguatkuasaan / keselamatan berkaitan Syarikat-syarikat industri pertahanan, penguatkuasaan dan keselamatan tempatan
KUMPULAN KERJA ICT MIDES	
Pengerusi	Ketua Staf Markas ATM
Timbalan Pengerusi	Undian oleh ahli-ahli Kumpulan Kerja
Ahli	Wakil Tentera Darat Wakil Tentera Laut Wakil Tentera Udara Bahagian Komunikasi dan Elektronik, Markas ATM Agensi Penguatkuasaan /

	keselamatan berkaitan Bahagian Pengurusan Maklumat Syarikat-syarikat industri pertahanan, penguatkuasaan dan keselamatan tempatan
KUMPULAN KERJA BARANGAN GUNA SAMA MIDES	
Pengerusi	Pengarah Kanan, Bahagian Dasar Sektoral dan Perkhidmatan Industri, MITI
Timbalan Pengerusi	Undian oleh ahli-ahli Kumpulan Kerja
Ahli	Wakil Tentera Darat Wakil Tentera Laut Wakil Tentera Udara Agensi Penguatkuasaan / keselamatan berkaitan Syarikat-syarikat industri pertahanan, penguatkuasaan dan keselamatan tempatan

- Lain-lain ahli yang difikirkan perlu (seperti MIGHT, Kementerian Kewangan, EPU, MITI dan MOSTI)

B. Bidang Rujukan Kumpulan Kerja

1. Mengemukakan cadangan bagi memantapkan lagi polisi industri pertahanan, penguatkuasaan dan keselamatan negara;
2. Melaksanakan dan mengikuti aktiviti-aktiviti MIDES seperti seminar, penerbitan buletin, *booth* MIDES dan lain-lain;
3. Menimbang strategi dan program pembangunan industri pertahanan, penguatkuasaan dan keselamatan tempatan dalam sektor masing-masing;
4. Melaksanakan pelan tindakan *Blueprint* Industri Pertahanan mengikut sektor masing-masing serta menentukan tindakan-

tindakan susulan yang sesuai diambil;

5. Menggalakkan perkongsian maklumat, kepakaran dan pengalaman di dalam program dan aktiviti industri pertahanan;
6. Mengenal pasti masalah/rintangan utama yang dihadapi oleh kedua-dua pihak, kerajaan dan swasta dalam pelaksanaan program dan mencadangkan cadangan penyelesaian yang sesuai;
7. Menilai keberkesanan Kumpulan Kerja di dalam membangunkan sektor yang berkaitan; dan
8. Melaporkan status dan program Kumpulan Kerja MIDES kepada Bahagian industri Pertahanan dan Majlis MIDES.

C. Urus setia : Pengerusi Kumpulan Kerja MIDES

D. Kekерapan Mesyuarat : Sekurang-kurangnya 4 kali setahun

7.0 TERMA RUJUKAN Pengerusi Kumpulan Kerja Mides

- (i) Mengadakan mesyuarat kumpulan kerja masing-masing sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun bagi membincangkan isu-isu berkaitan dengan kumpulan kerja;
- (ii) Melantik ahli jawatankuasa bagi kumpulan kerja masing-masing;
- (iii) Mengenal pasti hala tuju pembangunan industri pertahanan, penguatkuasaan dan keselamatan sektor masing-masing serta memberi input kepada pembangunan dasar industri pertahanan, penguatkuasaan dan keselamatan oleh Kementerian Pertahanan dan agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan;

- (iv) Merancang program / aktiviti bagi kumpulan kerja masing-masing serta penyediaan takwim tahunan;
- (v) Mengenal pasti isu-isu yang ingin diketengahkan / dibangkitkan ke peringkat Kementerian dan melaksanakan tindakan-tindakan susulan;
- (vi) Menggalakkan perkongsian idea dan kepakaran di kalangan ahli kumpulan kerja bagi meningkatkan keupayaan industri pertahanan, penguatkuasaan dan keselamatan tempatan;
- (vii) Mengemukakan laporan kumpulan kerja kepada Bahagian Industri Pertahanan secara berkala atau pada bila-bila masa diminta;
- (viii) Menyediakan kertas kerja / laporan kumpulan kerja untuk dibentangkan di Mesyuarat MIDES;
- (ix) Memastikan ahli-ahli kumpulan kerja bergiat aktif dan menyumbang kepada pembangunan industri pertahanan, penguatkuasaan dan keselamatan tempatan; dan

- (x) Pelantikan Pengerusi Kumpulan Kerja MIDES di kalangan penjawat awam ini adalah berdasarkan jawatan bukannya individu. Selain itu, Timbalan Pengerusi Kumpulan Kerja MIDES dipilih melalui pencalonan dan undian oleh ahli-ahli Kumpulan Kerja MIDES berkenaan.



Malaysian Industry Council For Defence, Enforcement & Security (MIDES)

